



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PEMAKLUMAN RASMI
KRISIS COVID-19: BILANGAN 03 TAHUN 2021**

**PEMATUHAN STANDARD PROSEDUR OPERASI (SOP)
PELAJAR KEMBALI KE KAMPUS SETELAH CUTI RAYA AIDILFITRI 2021
MULAI 15 MEI SEHINGGA 20 MEI 2021**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Merujuk kepada kenyataan rasmi Universiti Malaysia Pahang bertarikh 1 Mei 2021, pergerakan pelajar kembali ke kampus setelah cuti raya aidilfitri 2021 akan bermula mulai 15 Mei 2021. Bagi tujuan tersebut **SEMUA** pelajar perlu mengambil maklum serta mematuhi perkara-perkara sebagaimana dibawah;
 - I. Semua pelajar yang **BERGEJALA** atau disahkan sebagai **KONTAK RAPAT** oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Pusat Kesihatan Universiti (PKU) **DILARANG** sama sekali untuk pulang ke kampus . Pelajar hanya perlu memaklumkan kepada pihak Universiti melalui email rasmi admin_jhepa@ump.edu.my dengan mengemukakan bukti yang sah.
 - II. Semua pelajar **kampus Pekan dan Gambang** yang balik ke kampus pada **15 dan 16 Mei 2021** (Sabtu dan Ahad) akan menjalani **ISOLASI** di **Kampus Gambang**. Semua pelajar terlibat dikehendaki terus melapor di pintu masuk utama pihak Keselamatan UMP Kampus Gambang bagi mendapatkan info bilik isolasi dan lain-lain arahan yang berkenaan.

- III. Waktu operasi bagi pendaftaran pelajar di Residen Pelajar bagi menjalani **ISOLASI** pada **15 dan 16 Mei 2021** (Sabtu dan Ahad) di Kampus Gambang adalah mulai jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang **SAHAJA**.
 - IV. Pelajar kedua-dua kampus yang balik pada **17 hingga 20 Mei 2021** akan menjalani **ISOLASI** di kampus masing-masing. Semua pelajar **WAJIB** menjalani isolasi di Residen Pelajar yang ditetapkan di kampus masing-masing dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. *Check point* yang terlibat adalah sebagaimana berikut;
 - i. *Check Point 1* : Pintu masuk utama UMP Pekan dan Gambang
 - ii. *Check Point 2* : Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
 - iii. *Check Point 3* : Residen Pelajar yang ditetapkan.
 - V. Pelajar luar kampus termasuk pelajar pascasiswazah **WAJIB** menjalani saringan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan menjalani **ISOLASI** di kediaman masing-masing dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan .
 - VI. Pelajar perlu mencetak dan membawa bersama dokumen berikut ketika melakukan proses daftar masuk di Pintu Utama dan di Residen Pelajar.
 - i. Surat Kebenaran Kembali ke Kampus
 - ii. Borang Saringan COVID-19 (Borang HDF)
2. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 12 Mei 2021

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe
#StayStrong
#StayAtHome
#AmalkanPenjarakanSosial
#KitaJagaKita